



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tujuh (7)** kes positif COVID-19 dilaporkan di Daerah Kuching (6) dan Bintulu (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak **601** kes.

##### **A. Kes Import**

##### **Kes Import dari Luar Negara.**

Terdapat **dua (2)** kes import yang mempunyai sejarah balik dari luar negara. Kes pertama adalah warga tempatan yang baru balik dari Singapura pada 12 Julai 2020 dan transit satu malam di Kuching. Semasa tiba di KIA Kuching, beliau terus dimasukkan ke pusat kuarantin hotel di Kuching dan telah meneruskan perjalanan ke Bintulu pada hari berikutnya. Saringan COVID-19 untuk hari kedua pada 16 Julai 2020 mendapati beliau positif COVID-19.

Seorang lagi kes, juga warga tempatan yang baru balik dari Indonesia pada 05 Julai 2020 melalui KLIA dan ke KIA Kuching pada 06 Julai 2020. Setibanya di KIA, kes telah dimasukkan terus ke pusat kuarantin hotel di Kuching bagi menjalani kuarantin 14 hari. Saringan COVID-19 hari ke-2 adalah negatif tetapi saringan kedua pada hari ke-10 adalah positif COVID-19 pada 17 Julai 2020.

## **B. Kes Jangkitan Tempatan.**

### **Kes Kontak Rapat Kepada Kluster Mambong.**

**Satu (1)** kes merupakan seorang warga tempatan yang mempunyai kontak rapat kepada kes positif yang melibatkan Kluster Mambong. Kes dikesan hasil pengesanan dan saringan ke atas kontak rapat dan ahli keluarga Kluster Mambong. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Ini merupakan penambahan satu (1) kes kepada jumlah kes positif COVID-19 di dalam Kluster Mambong menjadikan jumlah keseluruhan Kulster Mambong ialah lima (5) orang.

### **Kes Saringan Kendiri.**

**Satu (1)** kes melibatkan seorang wanita warga bukan warganegara tempatan yang telah menjalankan saringan COVID-19 di Klinik Kesihatan Batu Kawah bagi tujuan membuat perjalanan balik ke negara asal. Beliau tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Saringan COVID-19 untuk ujian rT-PCR pada 17 Julai 2020 mendapati beliau positif COVID-19. Kes adalah jangkitan tempatan kerana kes tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara sebelum tahun 2019.

## **Kes Saringan Perubatan**

**Satu (1)** kes melibatkan seorang warga emas warga tempatan yang berasal dari Sri Aman dan menetap di Kuching. Beliau telah diarahkan untuk menjalani pemeriksaan *bronchoscopy* di Hospital Bau pada 17 Julai 2020 dan telah dibuat saringan swab rT-PCR sebelum pemeriksaan. Ujian saringan rT-PCR beliau adalah positif pada hari yang sama. Kes ini masih dalam siasatan lanjut.

## **Kes Saringan di Pasar**

**Dua (2)** lagi kes adalah warganegara tempatan yang telah menjalani saringan aktif ke atas peniaga di pasar Stutong. Mereka tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Punca jangkitan adalah jangkitan tempatan kerana mereka tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara. Siasatan lanjut masih dijalankan dan pengesanan kontak rapat sedang giat dilakukan.

## **Kluster Baru yang telah dikesan.**

### **(Kluster Pasar Stutong)**

**Dua (2)** kes positif COVID-19 telah dikesan hasil saringan awal ke atas 56 orang peniaga di Pasar Stutong, Kuching. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan melakukan saringan susulan ke atas semua peniaga di Pasar Stutong yang dianggarkan seramai 200 orang

Dimaklumkan juga **tiada** kes baru yang telah sembuh dan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak **554** orang atau **92.18%**. Seramai **29 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan jumlah kematian kekal **18 orang atau 3.00%**.

Hari ini sebanyak **18 PUI** baru dilaporkan dan **3 kes** masih menunggu ujian makmal.

## **2. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

Hari ini sebanyak **1,758 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (314), Restoran (360), Kilang (17), Bank (164), Pejabat Kerajaan (80), Penjaja (30), Pasar Tani/Awam (91), Tempat Ibadah (84), Tempat Riadah (56), Tapak Pembinaan (17) dan lain-lain (545).

Seramai **679 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (344), ATM (36), RELA (141), APM (91), PBT (45), KKM (10), KPDNHEP (3) dan Lain-lain agensi (9).

### **3. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,202** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**

**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**18 JULAI 2020**

**3.00 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

<b>Kes Terdahulu</b>	<b>594</b>	Kes sedang dirawat di hospital	<b>29</b>	<b>4.83%</b>
<b>Kes Baharu</b>	<b>7</b>	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>
<b>Jumlah Individu Disampel</b>	<b>60,381</b>	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	<b>0</b>	<b>0.00%</b>
<b>Kes Positif Keseluruhan</b>	<b>601</b>	Jumlah kes kematian	<b>18</b>	<b>3.00%</b>
IR per 100,000 penduduk	<b>19.48</b>	Kes telah sembuh dan discaj	<b>554</b>	<b>92.18%</b>
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	<b>10</b>	<b>8,157</b>	<b>18</b>	<b>8,761</b>
Menunggu keputusan	<b>3</b>	<b>3</b>		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sib	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	<b>23</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>29</b>
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
Jumlah kes kematian	<b>16</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>18</b>
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
	Kumulatif	<b>469</b>	<b>32</b>	<b>22</b>	<b>554</b>
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	<b>9</b>	<b>8</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>19</b>

<b>DAERAH KUNING (2)</b>											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Samarahan	0	526	0	101	0	94	0	4	3	3
2	Kuching	11	5,697	6	360	0	329	0	11	20	21
<b>Jumlah</b>		<b>11</b>	<b>6223</b>	<b>6</b>	<b>461</b>	<b>0</b>	<b>423</b>	<b>0</b>	<b>15</b>	<b>23</b>	<b>24</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

<b>DAERAH HIJAU (38)</b>											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bintulu	1	270	1	27	0	22	0	0	5	5
2	Sibu	0	104	0	9	0	8	0	0	1	1
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
5	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
6	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
7	Lundu	0	238	0	1	0	1	0	0	0	0
8	Bau	1	159	0	5	0	5	0	0	0	0
9	Limbang	0	28	0	9	0	8	0	1	0	0
10	Miri	4	778	0	23	0	22	0	1	0	0
11	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
12	Sri Aman	1	45	0	3	0	2	0	1	0	0
13	Betong	0	174	0	16	0	16	0	0	0	0
14	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
15	Mukah	0	38	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
17	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
18	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>7</b>	<b>2,538</b>	<b>1</b>	<b>140</b>	<b>0</b>	<b>131</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>6</b>	<b>6</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>18</b>	<b>8,761</b>	<b>7</b>	<b>601</b>	<b>0</b>	<b>554</b>	<b>0</b>	<b>18</b>	<b>29</b>	<b>30</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

**Kluster yang telah dikenalpasti.**

Bil.	Kluster	Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat	
1	<b>Kluster Kuching Conference</b>	0	191	22 June, 2020	
2	<b>Kluster Seri Petaling</b>	0	115	10 June, 2020	
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	<b>Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling</b>	3 June, 2020	
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10		15 May, 2020	
2c	Sub-Kluster Sibul	4		10 June, 2020	
2d	Sub-Kluster Bintulu	2		12 May, 2020	
2e	Sub-Kluster Limbang	7		26 May, 2020	
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7		12 May, 2020	
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10		3 June, 2020	
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3		3 June, 2020	
2i	<b>Sporadik</b>				
	i) Betong	6		15 May, 2020	
	ii) Samarahan	1		2 May, 2020	
	iii) Serian	1		6 June, 2020	
	iv) Kuching	9		12 May, 2020	
	v) Bintulu	2		18 April, 2020	
	vi) Miri	8	24 May, 2020		
	vii) Mukah	2	13 April, 2020		
viii) Limbang	2	26 May, 2020			
3	<b>Kluster PUI Itali</b>	0	65	30 May, 2020	
4	<b>Kluster Petugas Kesihatan Kuching</b>	0	68	6 June, 2020	
5	<b>Kluster Kidurong</b>	0	8	Active	
6	<b>Kluster Tapak Pembinaan Kuching</b>	0	3	Active	
7	<b>Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching</b>	0	2	Active	
8	<b>Kluster Mambong</b>	1	5	Active	
9	<b>Kluster Jupiter</b>	0	3	Active	
10	<b>Kluster Pusat Perubatan Kuching</b>	0	2	Active	
11	<b>Kluster Pasar Stutong</b>	2	2		
12	<b>Kluster-kluster kecil</b>	0	63	-	
12	<b>Sporadik kes</b>	0	46	-	
13	<b>Kes import</b>	2	26	-	
14	<b>Masih dalam siasatan dan kes baru</b>	2	2	-	
<b>Jumlah</b>		<b>7</b>	<b>601</b>		

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak



**Kluster yang masih aktif**

<b>BIL</b>	<b>KLUSTER</b>	<b>KES BARU</b>	<b>KUMULATIF KES</b>	<b>TARIKH TERAKHIR DILAPORKAN</b>	<b>STATUS</b>	<b>TARIKH DIJANGKA TAMAT</b>
1	Kidurong	0	8	21.06.2020	Aktif	19.07.2020
2	Tapak Pembinaan Kuching	0	3	34.06.2020	Aktif	22.07.2020
3	Syarikat Kejuruteraan Kuching	0	2	12.07.2020	Aktif	09.08.2020
4	Mambong	0	2	14.07.2020	Aktif	11.08.2020
5	Jupiter	2	3	16.07.2020	Aktif	13.08.2020
6	Pusat Perubatan Kuching	1	2	16.07.2020	Aktif	13.08.2020
7	Pasar Stutong	2	2	17.07.2020	Aktif	14.08.2020

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **52 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **8 buah hotel** adalah seramai **426 orang**.

Manakala seramai **18,858 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 18.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching (276)	Harbour View	108
2		Riverside (Astana Wing)	168
3	Miri (72)	Eastwood Valley	51
4		Meritz	21
5	Bintulu (21)	Wasan Inn	17
6		Motel Kapok	4
7	Limbang (17)	Purnama	17
8	Sibu (40)	Premier	40
<b>Jumlah PUS</b>			<b>426</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **2 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,382 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 18.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	436
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	103
5	Sarikei	99
6	Sibu	90
7	Limbang	74
8	Betong	48
9	Serian	46
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
<b>Jumlah</b>		<b>1,382</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **26 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 18.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MP Kota Samarahan	1
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	4
5	MP Sibul	10
6	MB Miri	4
7	MD Lawas	1
<b>Jumlah</b>		<b>26</b>